

Penterjemahan Identiti Budaya Material Masyarakat Melayu dalam Komik *Budak Kampung* ke Bahasa Arab

BITARA

Volume 6, Issue 3, 2023: 84-98
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 21 May 2023
Accepted: 21 June 2023
Published: 10 July 2023

[The Translation of The Material Cultural Identity of Malay Community in The “*Budak Kampung*” Comic into Arabic]

Nurul Asmira Mohammad Yusuff¹ & Suhaila Zailani@Ahmad^{1*}

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: asmirayusuff96@gmail.com ; suzail@ukm.edu.my

*Corresponding Author: suzail@ukm.edu.my

Abstrak

Identiti budaya ini bukan sahaja dapat dilihat melalui tingkah laku dan gerak geri individu dalam sesebuah masyarakat, malah dapat diperkenalkan dan diinterpretasikan melalui karya penulisan. Bagaimanapun, pengekal identiti budaya ketika proses penterjemahan menjadi cabaran terbesar kepada para penterjemah. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti identiti budaya material masyarakat Melayu dalam komik *Budak Kampung* dan menganalisis strategi terjemahan identiti budaya masyarakat Melayu ke bahasa Arab dalam komik *Budak Kampung* berdasarkan strategi terjemahan Newmark. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menganalisis kandungan teks komik *Budak Kampung* berserta terjemahannya ke bahasa Arab iaitu ‘*Tifl al-Qaryah*’. Daripada 51 perkataan beridentiti budaya material yang dikenal pasti dalam korpus kajian, hanya 10 sampel sahaja dianalisis sebagai contoh strategi terjemahan Newmark digunakan bagi menterjemahkan perkataan beridentiti budaya material daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab. Kajian mendapati bahawa empat aspek utama budaya material dipaparkan dengan jelas dalam komik *Budak Kampung*, iaitu makanan dan minuman, pakaian, seni bina dan bandar serta pengangkutan. Manakala bagi strategi terjemahan pula, enam strategi terjemahan Newmark dikesan telah digunakan dalam menterjemahkan identiti budaya ke bahasa Arab, iaitu strategi terjemahan literal, padanan budaya, pengguguran, padanan deskriptif, naturalisasi serta kuplet. Strategi terjemahan padanan deskriptif paling kerap digunakan berbanding strategi terjemahan lain. Kajian ini diharap dapat memberi input baharu kepada para penterjemah dalam menterjemahkan teks yang sarat dengan identiti budaya khususnya teks komik yang berperanan memperkenalkan kebudayaan masyarakat Melayu kepada masyarakat luar.

Kata kunci: Budaya Material, Komik *Budak Kampung*, Identiti Budaya, Strategi Terjemahan

Abstract

This cultural identity can be seen not only through the behaviour and gestures of individuals in a society but can also be introduced and interpreted through written works. However, preserving cultural identity during the translation process becomes the biggest challenge for translators. Therefore, this study aims to identify the material cultural identity of the Malay community in the comic ‘*Budak Kampung*’ and analyze the strategies for translating the Malay cultural identity into Arabic in the comic ‘*Budak Kampung*’ based on Newmark’s translation strategies. This qualitative study analyzes the content of the ‘*Budak Kampung*’ comic along with its translation into Arabic, titled ‘*Tifl al-Qaryah*’. Out of the 51 identified culturally material words in the study corpus, only 10

samples were analyzed as examples of Newmark's translation strategies used to translate culturally material words from Malay to Arabic. The study have found that four main aspects of material culture are clearly presented in the '*Budak Kampung*' comic, namely food and drinks, clothing, architecture and the city, and transportation. As for translation strategies, six of Newmark's translation strategies have been identified as being used in translating cultural identity into Arabic, namely literal translation, cultural equivalent, reduction, descriptive equivalent, naturalization, and couplet. The descriptive equivalent strategy was the most frequently used compared to other translation strategies. This study is expected to provide new insights for translators in translating texts that are rich in cultural identity, especially comic texts that play a role in introducing Malay culture to the wider community.

Keywords: Material Culture, *Budak Kampung* Comic, Cultural Identity, Translation Strategies

Cite This Article:

Nurul Asmira Mohammad Yusuff & Suhaila Zailani @ Ahmad. (2023). Penterjemahan Identiti Budaya Material Masyarakat Melayu dalam Komik Budak Kampung ke Bahasa Arab [The Translation of The Material Cultural Identity of Malay Community in The "Budak Kampung" Comic into Arabic]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 84-98.

Pengenalan

Pembentukan budaya saling berkait rapat dengan sesebuah masyarakat. Budaya merupakan cerminan kepada identiti sesebuah organisasi masyarakat dan budaya dapat membezakannya dengan masyarakat lain. Kebudayaan akan terus hidup manakala ada manusia sebagai pendukungnya dan kebudayaan mempunyai kegunaan yang sangat besar bagi manusia di dalam kehidupannya (Mahdayeni et al. 2019). Pemakaian pakaian tradisional Melayu seperti baju Melayu, baju kurung dan baju kebaya sehingga kini menjadi mercu tanda identiti masyarakat Melayu turun-temurun.

Rentetan daripada itu, komik *Budak Kampung* yang merupakan hasil karya kartunis tempatan iaitu Lat menjadi sebuah memori yang bermakna bagi masyarakat Melayu khususnya komuniti masyarakat kelahiran negeri Perak dalam mengimbau kembali kehidupan sekitar zaman 50-an. Karya komik beliau cenderung merakamkan isu berkaitan sosiobudaya masyarakat di Malaysia dan sering menampilkan kehidupan realiti rakyat Malaysia terutamanya masyarakat Melayu desa (Nurul Syazwani Mohd Dahalan & Wan Hasmah Wan Teh, 2020). Antaranya, kehidupan masyarakat yang mengamalkan aktiviti cukur jambul, naik buai, berpantang, berkhatan, merisik, bertunang, akad nikah, tarian joget dan banyak lagi.

Aktiviti kebudayaan tersebut dikategorikan dalam salah satu budaya bukan material menurut teori Newmark. Budaya bukan material dapat dicirikan menerusi aspek budaya ekologi, sosial, organisasi, adat resam/kepercayaan, aktiviti, konsep, gerak-geri dan tabiat/kebiasaan (Newmark, 1998). Di samping itu, karya beliau turut mempersembahkan budaya material yang merujuk kepada bahan artifak atau barang-barang peninggalan buatan masyarakat pada zaman tersebut. Budaya material terdiri daripada aspek makanan, pakaian, seni bina dan bandar serta pengangkutan (Newmark, 1998). Antara peninggalan peralatan yang masih digunakan sehingga kini adalah terdiri daripada bubu, jala, lukah, mata kail, sampan dan banyak lagi. Oleh yang demikian, budaya material diungkapkan dalam bentuk fizikal manakala budaya bukan material sebaliknya diungkapkan dalam bentuk abstrak.

Kepopularitian komik *Budak Kampung* yang mempamerkan kebudayaan masyarakat Melayu telah menarik minat masyarakat tempatan bahkan masyarakat luar negara dalam mengenali keunikan kebudayaan masyarakat Melayu seterusnya menjadi bahan komersial negara. Pada tahun 2018, komik *Budak Kampung* telah berjaya diterjemahkan ke dalam bahasa Sepanyol sebagai bahasa sasaran yang ke-15. Bahasa Inggeris, Cina, Tamil, Jerman, Jepun termasuklah bahasa Arab juga menjadi antara bahasa sasaran bagi komik tersebut. Walaubagaimanapun, proses penterjemahan daripada sesuatu bahasa ke bahasa lain bukan suatu proses yang mudah. Sebaliknya, proses tersebut memerlukan penelitian yang telus agar mesej dan info penulis sumber dapat disampaikan kepada pembaca sasaran dengan tepat.

Tambahan pula, penterjemahan merupakan proses peralihan bukan sahaja dua bahasa tetapi juga melibatkan dua budaya yang berbeza (Cho Minsung & Puteri Roslina, 2016). Perbezaan dua budaya dalam proses terjemahan menjadi salah satu cabaran dan kekangan kepada penterjemah dalam menterjemahkan teks sumber ke bahasa sasaran. Kendatipun demikian, strategi terjemahan digunakan bagi mengatasi masalah perbezaan budaya dalam penterjemahan unsur budaya (Yovita Angelina et al. 2020). Terdapat pelbagai strategi terjemahan yang diutarakan oleh para sarjana bahasa mengikut kesesuaian bagi sesebuah identiti budaya antaranya teori terjemahan Baker (1922), Newmark (1988), Aixela (1996) dan Ainon dan Abdullah (2008).

Bertitik tolak daripada itu, kajian ini menggariskan dua objektif utama iaitu mengenal pasti identiti budaya material masyarakat Melayu dalam komik *Budak Kampung* dan menganalisis strategi terjemahan identiti budaya masyarakat Melayu ke bahasa Arab dalam komik *Budak Kampung* berdasarkan strategi terjemahan Newmark.

Penterjemahan Identiti Budaya Material

Penterjemahan melibatkan proses mengalih bahasa daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran tanpa mengubah idea dan tujuan penulis sumber. Penterjemahan teks yang dilatari dengan budaya menjadi suatu cabaran kepada penterjemah kerana bahasa mempunyai ikatan yang erat dengan budaya sesuatu bangsa. Sebuah slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' membuktikan jati diri bangsa digambarkan menerusi bahasa penutur, bahkan menjadi cerminan kepada kebudayaan suatu masyarakat (Rina Devianty, 2017). Tambah Muhammad Zaid et al. (2017), budaya merupakan identiti sesebuah masyarakat, manakala bahasa pula menjadi indeks dan instrumen bagi menggambarkan budaya tersebut.

Budaya merupakan keseluruhan cara hidup yang kompleks meliputi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat resam, dan kebolehan serta kebiasaan yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat (Tylor, 1920). Identiti budaya dapat melambangkan tatacara hidup sesebuah institusi masyarakat dan membezakannya dengan masyarakat lain. Kemasyhuran Malaysia sebagai sebuah negara di Asia Tenggara adalah terhasil daripada keunikan institusi kelompok masyarakat yang kaya dengan kepelbagaian bangsa, etnik, kaum, budaya dan agama.

Secara umumnya, budaya dikategorikan kepada budaya material dan budaya bukan material. Budaya material merujuk kepada sesuatu artifak atau objek fizikal yang wujud secara semula jadi atau terhasil daripada buatan masyarakat sesuatu zaman bagi memenuhi keperluan

kehidupan seharian mereka. Sebaliknya, budaya bukan material pula merujuk kepada pemikiran, unsur kepercayaan, ideologi, adat istiadat, undang-undang, pola keluarga dan bahasa seperti peribahasa, etika dan moral (Cho Minsung & Puteri Roslina, 2016). Arnida et al. (2019) berpendapat bahawa menterjemah unsur budaya material atau kebendaan lebih rumit berbanding budaya bukan material kerana budaya material terdiri daripada pelbagai objek yang mencirikan masyarakat itu sendiri.

Oleh itu, jika berhadapan dengan situasi sukar ketika menterjemah unsur budaya tersebut, para penterjemah perlu memiliki strategi terjemahan. Dalam keadaan ini, strategi terjemahan menjadi salah satu alternatif dan solusi penyelesaian. Para sarjana bidang terjemahan berbeza pandangan terhadap strategi terjemahan yang manakah lebih sesuai diaplikasikan bagi menyelesaikan masalah terjemahan unsur budaya khususnya unsur budaya material. Bagi budaya makanan dan minuman yang merupakan sebahagian daripada elemen budaya material, Mazlan et al. (2020) mencadangkan lima strategi terjemahan yang terhasil daripada gabungan pendekatan strategi terjemahan oleh Funada dan Hasegawa. Bagi elemen pakaian sesuatu bangsa, Arnida & Lubna (2021) mendapati pendekatan kaedah terjemahan literal dapat mengekalkan makna budaya ke dalam bahasa sasaran.

Berbeza pula dengan Noor Eliza et al. (2015) yang mendapati bahawa kaedah terjemahan kuplet sesuai digunakan bagi menterjemah budaya material pakaian. Kaedah ini merupakan kaedah gabungan antara strategi terjemahan padanan fungsian dengan kata pinjaman. Selain itu, budaya seni bina, bandar serta pengangkutan turut disenaraikan oleh Newmark (1988) sebagai budaya material. Aminoh Jahwae (2019) mendapati strategi terjemahan *calque*, *glos intrateks* dan sinonim antara strategi terjemahan budaya yang sesuai digunakan, manakala Dewi Puspitasari et al. (2014) pula mencadangkan penggunaan strategi terjemahan naturalisasi, deskriptif, transposisi, modulasi dan padanan budaya.

Berdasarkan perbincangan di atas, pelbagai pendekatan strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah adalah berdasarkan kesesuaian elemen budaya yang ingin diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Menurut Arnida et al. (2019), setiap norma budaya yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat bahasa berbeza dengan masyarakat bahasa lain. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi menyingkap identiti budaya material yang melatari teks komik di samping menganalisis strategi terjemahan yang diaplikasikan oleh penterjemah dalam menterjemahkan budaya ke dalam bahasa sasaran. Pemilihan kajian terhadap korpus kajian teks komik adalah kerana kajian terhadap korpus ini masih baharu dan sedikit.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menganalisis kandungan teks komik *Budak Kampung* beserta terjemahannya ke bahasa Arab iaitu '*Tifl al-Qaryah*'. Komik ini dipilih sebagai korpus kajian adalah disebabkan kepopuleran komik sebagai cerminan budaya masyarakat Melayu. Selain itu, komik ini juga telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa antaranya bahasa Inggeris, Tamil, Mandarin, Jepun, Arab dan banyak lagi sehingga menjadi bahan komersial. Oleh itu, data kajian ini merupakan data yang melibatkan perkataan yang melambangkan identiti budaya masyarakat Melayu dari aspek budaya material. Terdapat 51 perkataan beridentiti budaya material dikenal pasti dalam korpus kajian.

Namun begitu, hanya 10 sampel atau 20% daripada jumlah keseluruhan data dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Sebanyak tiga kamus rujukan digunakan dalam kajian ini, iaitu Kamus Dewan Edisi Keempat (2019) (selepas ini dirujuk sebagai KD), Kamus Besar Dewan Arab-Melayu (2015) (selepas ini dirujuk sebagai KBD) dan Kamus al-Khalil Arab-Melayu/Melayu-Arab (2015) (selepas ini dirujuk sebagai KK). Ketiga-tiga kamus ini dijadikan panduan bagi menganalisis padanan terjemahan bahasa sumber ke bahasa sasaran. Sehubungan dengan itu, kajian memanfaatkan enam strategi terjemahan yang dikemukakan Newmark (1988), iaitu kaedah terjemahan literal, padanan deskriptif, naturalisasi, pengguguran, padanan budaya dan kuplet bagi mencapai objektif kedua iaitu menganalisis strategi terjemahan identiti budaya masyarakat Melayu oleh penterjemah teks sumber komik *Budak Kampung* ke bahasa Arab.

Strategi Terjemahan Identiti Budaya

Enam strategi terjemahan identiti budaya yang dikemukakan Newmark ialah:

Terjemahan Literal: Terjemahan ini juga dikenali sebagai terjemahan harfiah iaitu satu teknik mengalihkan sebuah kata atau ekspresi kata demi kata (Ekarista, 2017). Menurut Newmark (1988), terjemahan literal adalah langkah pertama dalam terjemahan.

Padanan Deskriptif: Satu alternatif dalam membuat padanan terjemahan yang berbentuk penerangan khusus terhadap perkataan budaya sumber. Menurut Mursyid (2017), padanan deskriptif adalah membuat penghuraian yang mempunyai makna kata yang bersangkutan, kerana tidak menemui padanan kata sumber sama ada tidak tahu, tidak ada ataupun belum ada dalam bahasa sasaran. Namun, penggunaan strategi padanan deskriptif tidak dapat memberikan tahap makna yang dikehendaki walaupun strategi ini digunakan dalam menangani perkataan sumber yang sangat berkait rapat dengan budaya khas bahasa sumber (Noor Eliza et al. 2015).

Naturalisasi: Terjemahan naturalisasi melibatkan proses pemindahan perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran, kemudian membuat penyesuaian kata berdasarkan bentuk morfologi sistem bahasa sasaran (Newmark 1998).

Pengguguran: Strategi terjemahan pengguguran makna atau pengurangan merupakan kaedah meninggalkan beberapa perkataan atau frasa yang dirasakan tidak perlu dalam sesuatu terjemahan tanpa menjejaskan maksud yang ingin disampaikan (Nur Munirah & Rohaidah, 2018). Sebaliknya, kesilapan menggugurkan tanpa alasan munasabah boleh mengganggu pemahaman pembaca sasaran (Mazlan et al. 2020).

Padanan budaya: Strategi terjemahan padanan budaya merupakan kaedah terjemahan hampir sama bagi perkataan budaya bahasa sumber yang diterjemahkan oleh perkataan budaya sasaran (Newmark, 1988).

Kuplet: Strategi kuplet bermaksud penterjemah menggabungkan atau mengkombinasikan dua, tiga atau empat strategi terjemahan ketika proses penterjemahan (Newmark, 1988).

Analisis Kajian & Perbincangan

Sampel 1

Jadual 1: Sampel MRL 01 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 01	Pulut kuning satu pinggan	طبق من الأرز الأصفر	4

Pulut kuning merupakan juadah makanan tradisional yang tidak asing lagi dan sinonim dengan adat kebudayaan masyarakat Melayu. Penyediaan pulut kuning atau dikenali dengan nama lainnya iaitu pulut semangat atau nasi semangat merupakan simbolik kepada adat masyarakat Melayu dalam pelaksanaan upacara tradisional tertentu sebagai tanda kesyukuran. Pulut kuning kebiasaannya dihidangkan di dalam majlis-majlis keramaian seperti majlis khatam al-Quran, pertunangan, perkahwinan, akikah, berkhatan, cukur jambul dan sebagainya. Tanda simbolik ini turut dipaparkan dalam kisah kehidupan Lat apabila bapa Lat menghadihkan sepinggan pulut kuning berserta duit, ayam panggang dan kain batik kepada neneknya yang merupakan seorang bidan sebagai syarat setelah menyambut kelahiran Lat.

Paparan sampel MRL 01 iaitu pulut kuning diterjemahkan kepada الأرز الأصفر. Menurut KK (2015) dan KBD (2015), الأرز bermaksud padi, beras dan nasi. Berdasarkan padanan makna dalam kedua-dua kamus tersebut, makna perkataan sasaran tersebut berbeza daripada perkataan sumber iaitu pulut. Walaubagaimanapun, menurut KD (2019), pulut merupakan sejenis biji-bijian seperti beras tetapi lebih berkanji. Oleh yang demikian, penterjemah telah menterjemahkan pulut kepada الأرز kerana beras dan pulut mempunyai makna yang hampir sama. Adapun perkataan الأصفر bermaksud kuning dan emas (KK, 2015 & KBD, 2015).

Berdasarkan analisis terhadap sampel terjemahan MRL 01, kajian mendapati bahawa penterjemah menggunakan strategi terjemahan **literal** ataupun secara harfiah bagi mengekalkan identiti budaya sumber ke dalam bahasa sasaran. Namun begitu, terjemahan secara harfiah didapati menyukarkan pembaca sasaran dalam menyelami konsep sebenar bagi identiti budaya Melayu tersebut. Oleh yang demikian, kajian mencadangkan strategi terjemahan penambahan kata dalam bentuk nota tambahan atau nota kaki diperlukan bagi membantu pembaca sasaran memahami konsep pulut kuning di samping penterjemah dapat mengekalkan budaya sumber ke dalam bahasa sasaran.

Sampel 2

Jadual 2: Sampel MRL 02 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 02	Kain batik satu helai	إزار (باتيك)	4

Pakaian merupakan salah satu simbolik dan imej yang mencerminkan kebudayaan sesebuah bangsa tertentu. Pakaian tradisional baju Melayu bagi kaum lelaki dan baju kurung

atau baju kebaya bagi kaum wanita menjadi lambang keunikan kepada bangsa Melayu. Tambahan pula, kewujudan warisan budaya terunggul Malaysia iaitu kain batik bercorak dengan pelbagai bentuk batik yang terhasil daripada kraf tangan tradisional masyarakat Melayu mempunyai pelbagai fungsi dalam menggambarkan kebudayaan masyarakat Melayu. Antaranya, kain batik boleh dijadikan pakaian harian dan kain basahan khususnya bagi kaum wanita, buaian bagi menidurkan bayi, alas meja, cenderamata, kain sarung atau pakaian majlis keramaian dan sebagainya. Melalui paparan kisah Lat, kain batik dijadikan sebagai hadiah kepada nenek Lat setelah menyambut kelahirannya, buaian berserta pakaian harian kaum wanita.

Kain batik yang dipaparkan oleh sampel MRL 02 diterjemahkan kepada إزار (باتيك) dalam bahasa Arab. إزار bermaksud pelikat, samping, kain sarung dan kehormatan (KK, 2015). Manakala KBD (2015) pula memberikan pengertiannya sebagai kain. Bagi terjemahan باتيك, didapati terdapat makna terjemahan yang selari seperti mana yang diterjemahkan dalam KK (2015). Sebaliknya, terjemahan batik dalam KBD tidak ditemui. Oleh itu, kajian mendapati bahawa penterjemah komik menggunakan strategi terjemahan **literal** ataupun harfiah dalam menterjemahkan identiti budaya material kain batik ke dalam bahasa Arab.

Berdasarkan analisis terhadap terjemahan sampel MRL 02, strategi terjemahan literal diaplikasikan pada terjemahan identiti budaya tersebut adalah bagi mengekalkan budaya sumber ke dalam bahasa sasaran. Walaubagaimanapun, penterjemah cuba membuat penjelasan kepada pembaca sasaran dengan meletakkan kurungan pada perkataan batik iaitu (باتيك). Menurut Abdul Fattah (1912), kalimah ataupun ayat dalam tanda kurungan berfungsi sebagai penjelasan kepada sesuatu kalimah. Oleh itu, perkataan باتيك merupakan penjelasan kepada perkataan sebelumnya iaitu إزار bahawa batik merupakan sejenis kain yang terdapat dalam budaya Melayu.

Sampel 3

Jadual 3: Sampel MRL 03 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 03	disuapnya dengan nasi lembik...	وتطعمني العصيدة (هريس الرز)	7

Kepelbagaian variasi makanan di Malaysia menjadi salah satu identiti budaya material masyarakat Melayu. Malah, nasi yang sememangnya sinonim dengan masyarakat Malaysia sebagai makanan ruji divariasikan dengan pelbagai rasa dan bentuk seperti nasi dagang, nasi kerabu, nasi beriani, nasi minyak, nasi tomato dan sebagainya. Namun begitu, nasi yang bervariasi tersebut tidak sesuai dihidangkan kepada golongan bayi. Oleh yang demikian, nasi lembik disediakan oleh para ibu sebagai makanan ruji kepada bayi mereka. Nasi lembik merupakan nasi yang ditanak dengan berlebihan airnya (KD, 2019).

Nasi lembik yang merupakan identiti budaya makanan Melayu diterjemahkan kepada العصيدة (هريس الرز) dalam bahasa Arab. العصيدة bererti bubur tepung (KK, 2015). Manakala KBD (2015) pula memberi pengertiannya sebagai tepung yang diuli dengan minyak sapi dan dibakar. Berdasarkan makna yang diberikan oleh kedua-dua kamus tersebut, العصيدة merupakan tepung lembut yang terhasil daripada adunan campuran tepung dengan minyak. Oleh yang demikian,

padanan terjemahan nasi lembik dengan perkataan العصيدة menunjukkan bahawa strategi terjemahan padanan budaya telah diaplikasikan oleh penterjemah komik. Padanan nasi lembik dengan العصيدة adalah disebabkan oleh tepung sebagai makanan ruji yang sinonim dengan masyarakat Arab.

Sungguhpun demikian, penterjemah komik berusaha mengekalkan budaya sumber walaupun terdapat padanan yang sesuai dengan bahasa sasaran. Oleh itu, penterjemah turut menterjemahkan nasi lembik sebagai هريس الرز secara literal. Perkataan هريس berasal daripada kata kerja هرس bererti menumbuk sampai halus (KK, 2015). Terjemahan هريس dalam KBD (2015) pula bermakna biji-bijian yang ditumbuk dengan lesung sebelum dimasak. Manakala perkataan الرز diertikan sebagai padi, beras dan nasi melalui kedua-dua kamus tersebut. Berdasarkan pengertian هريس dan الرز menerusi dua kamus rujukan, gabungan perkataan هريس الرز dapat diterjemahkan sebagai nasi yang ditumbuk halus ataupun nasi lembik. Perkataan الرز هريس tersebut diterjemahkan selepas padanan terjemahan العصيدة dalam teks sasaran. Strategi terjemahan literal yang diaplikasikan pada perkataan sumber nasi lembik dengan (هريس الرز) dalam tanda kurungan adalah bagi memperkenalkan identiti budaya Melayu kepada pembaca sasaran. Justeru itu, gabungan dua strategi terjemahan iaitu strategi terjemahan padanan budaya dan literal dikenali sebagai strategi terjemahan **kuplet**.

Sampel 4

Jadual 4: Sampel MRL 04 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 04	Terapung-apung dalam kolam besar yang airnya macam teh susu	وكان يطفو في حوض كبير وماؤه عكر كالشاي الممزوج بالحليب	19

Air merupakan antara keperluan asas bagi kehidupan di dunia bertujuan untuk meneruskan kehidupan seharian. Sumber air yang menjadi minuman seharian antaranya didapati daripada mata air, buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan. Pokok teh adalah antara tumbuhan yang diproses daunnya untuk menghasilkan minuman yang berperisa teh. Adapun minuman teh tidak asing lagi dalam dunia global rentetan daripada kepelbagaian khasiatnya terhadap kesihatan. Paparan sampel MRL 04 di atas memaparkan salah satu hidangan teh yang popular dalam masyarakat Melayu iaitu teh susu.

Teh susu diterjemahkan sebagai الشاي الممزوج بالحليب dalam bahasa Arab. Terjemahan ke dalam teks sasaran tersebut dapat diertikan sebagai 'teh yang dicampur dengan susu'. Berdasarkan analisis terjemahan sampel MRL 04, strategi terjemahan **padanan deskriptif** telah diaplikasikan bagi memindahkan perkataan sumber ke dalam perkataan sasaran. Teh susu bukanlah suatu istilah yang khusus akan tetapi ia merupakan sejenis minuman yang bercampur di antara teh dengan susu serta boleh dihidangkan secara panas mahupun sejuk. Minuman campuran teh dan susu tersebut turut menjadi salah satu hidangan masyarakat Arab. Oleh itu, pengaplikasian strategi terjemahan deskriptif tersebut adalah satu alternatif bagi menjelaskan identiti budaya minuman teh susu ke dalam bahasa sasaran.

Sampel 5

Jadual 5: Sampel MRL 05 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 05	Di sebelah dispensari tu ialah kedai si Ah Yew	بجوار العيادة دكان (أه يو)	36

Binaan bangunan yang dibangunkan oleh sesebuah kelompok masyarakat juga merupakan salah satu identiti budaya material. Binaan yang dibangunkan adalah berfungsi untuk memberi kebaikan dan manfaat kepada masyarakat setempat. Paparan sampel MRL 05 memaparkan salah sebuah bangunan yang dibangunkan oleh kerajaan bagi membekalkan ubat-ubatan kepada masyarakat iaitu dispensari. Berdasarkan KD (2019), dispensari merupakan sebuah tempat mendapatkan ubat.

Dispensari diterjemahkan sebagai العيادة ke dalam bahasa Arab. Perkataan العيادة diertikan sebagai klinik menerusi rujukan daripada kedua-dua kamus terjemahan. Dispensari dan klinik merupakan dua perkataan yang berbeza akan tetapi kedua-duanya mempunyai persamaan dalam memainkan peranan utama untuk memastikan kesihatan masyarakat terjamin. Menurut KD (2019), klinik merupakan tempat untuk memberi diagnosis dan merawat pesakit luar.

Berdasarkan analisis terjemahan tersebut menunjukkan bahawa penterjemah tidak menterjemahkan identiti budaya dispensari secara literal tetapi membuat **padanan budaya** yang terdapat dalam bahasa sasaran dengan memberi makna terjemahannya sebagai klinik. Didapati bahawa terjemahan identiti budaya dispensari dengan padanan العيادة disebabkan oleh kedua-duanya mempunyai persamaan fungsi yang hampir sama. Memetik pandangan Noor Eliza (2016), strategi terjemahan ini digunakan apabila wujud fungsi yang sama di antara budaya sumber dan sasaran walaupun mempunyai bentuk yang berbeza.

Sampel 6

Jadual 6: Sampel MRL 06 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 06	Sudah banyak kali mereka mengajak teman mengikuti mereka memeriksa bubu atau lukah kepunyaan mereka.	وكانوا دائما يدعونني معهم لمشاهدة الفخ الذي نصبوه في النهر والتأكد من وجود السمك فيه	49

Keistimewaan masyarakat Melayu yang mempunyai kemahiran dan kesenian kraf tangan telah menghasilkan pelbagai peralatan tradisional Melayu. Perkataan bubu atau lukah yang dipaparkan dalam sampel MRL 06 di atas merupakan salah satu alat penangkap ikan tradisional yang masih digunakan sehingga kini. Menurut KD (2019), bubu merupakan beberapa jenis alat penangkap ikan berupa bakul yang membolehkan ikan masuk tetapi menghalangnya keluar. Bahan pembuatannya adalah terhasil daripada buluh atau kawat.

Kebiasaannya bubu buluh sesuai digunakan untuk menangkap ikan air tawar seperti ikan haruan, puyu, semilang, ikan keli dan banyak lagi di sungai. Manakala bubu kawat pula sesuai digunakan untuk mendapatkan hasil tangkapan laut.

Bubu atau lukah diterjemahkan sebagai *الفخ الذي نصبوه في النهر والتأكد من وجود السمك فيه* ke dalam bahasa sasaran. Terjemahan tersebut dapat diertikan dengan ‘jerat yang dimasukkan oleh kawan-kawan Lat dan ikan pasti terperangkap didalamnya’. Berdasarkan terjemahan sampel MRL 06 tersebut, penterjemah menggunakan strategi terjemahan **padanan deskriptif** dengan membuat penghuraian makna kata bubu ke dalam bahasa sasaran. Menurut Noor Eliza et al. (2015), strategi terjemahan ini digunakan bagi menangani perkataan sumber yang sangat berkait rapat dengan budaya khas bahasa sumber. Begitu juga didapati bahawa KK (2015) turut menggunakan strategi terjemahan tersebut dengan memberikan terjemahan bubu kepada *مصيدة السمك* yang bermaksud alat perangkap ikan. Adapun terjemahan bubu menerusi KBD (2015) tidak ditemui. Oleh yang demikian, penghuraian makna kata terjemahan yang diberikan oleh penterjemah didapati lebih jelas berbanding penghuraian makna kata yang diberikan oleh KK (2015).

Sampel 7

Jadual 7: Sampel MRL 07 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 07	Pengantin lelaki menaiki sebuah	ركب العريس سيارة موريس مينور	64
	Morris Minor		

Kereta adalah keperluan bagi manusia untuk memudahkan urusan seharian khususnya pergerakan dari satu tempat ke suatu tempat yang lain. Sampel MRL 07 di atas merupakan salah sebuah kereta dikenali sebagai Morris Minor yang wujud sekitar era 60-an seiring dengan perkembangan zaman kegemilangan seniman agung negara, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Walaubagaimanapun, kereta yang berumur puluhan abad tersebut masih wujud pada masa kini dan menyimpan nostalgia tatacara hidup masyarakat dahulu.

Identiti budaya pengangkutan Morris Minor diterjemahkan sebagai *موريس مينور* dalam bahasa Arab. Kajian mendapati bahawa terjemahan makna perkataan Morris Minor tidak didapati di dalam kedua-dua kamus terjemahan rujukan. Hal demikian kerana perkataan Morris Minor merupakan identiti budaya khusus yang wujud dalam masyarakat Melayu. Oleh itu, strategi terjemahan **naturalisasi** telah diaplikasikan oleh penterjemah komik terhadap terjemahan identiti budaya tersebut dengan membuat penyesuaian semula berdasarkan ejaan dan bunyi sistem bahasa sasaran kepada perkataan *موريس مينور*. Menurut Wiriya Inphen (2020), strategi terjemahan naturalisasi adalah bertujuan bagi memperkenalkan budaya sumber kepada pembaca teks sasaran.

Sampel 8

Jadual 8: Sampel MRL 08 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 08	opah belanja tengok wayang gelap di Batu Gajah	ذهبنا إلى السينما لمشاهدة فيلم على حساب جدتي.	105

Wayang gelap atau wayang gambar merupakan pertunjukan gambar hidup yang berupa cerita dan sebagainya yang ditayangkan pada layar putih (KD, 2019). Keunikan tayangan wayang gambar pada zaman Lat adalah hanya berlatarkan tontonan gambar hitam putih. Hal ini demikian kerana tahun 1950an-1960an merupakan era hitam putih (Mohd Erman et al. 2020). Sehubungan dengan itu, pertunjukan wayang gambar yang terletak di batu Gajah, Perak menjadi tarikan para penduduk rentetan daripada penyiaran televisyen masih belum diperkenalkan ketika itu.

Wayang gelap menerusi paparan sampel MRL 08 di atas diterjemahkan sebagai **السينيما** dalam bahasa Arab. **السينيما** bererti wayang gambar dan pawagam (KK, 2015). Begitu juga terjemahan yang diberikan KBD (2015) iaitu bermaksud wayang gambar dan panggung wayang. Berdasarkan hasil terjemahan tersebut, penterjemah telah menggunakan strategi terjemahan **padanan budaya** dengan menggantikan perkataan wayang gelap kepada **السينيما**. Menurut Noor Eliza et al. (2015), strategi terjemahan ini digunakan apabila terdapat padanan budaya yang sesuai dalam bahasa sasaran.

Wayang gambar atau **السينيما** yang mempertontonkan pelbagai filem turut menjadi hiburan dalam kalangan bangsa Arab. Pengoperasian pawagam di Arab Saudi adalah bermula sejak era tahun 1970. Baru-baru ini, kenyataan daripada liputan Astro Awani (2019) menyatakan bahawa Arab Saudi telah membuka sebuah pawagam di Jeddah yang menjangkakan anggaran sebanyak 300 filem buah filem ditayangkan dalam masa setahun atau sekurang-kurangnya enam buah filem seminggu. Menurutnya lagi, sebuah pawagam lagi turut dibuka di wilayah Tabuk menjelang tahun 2019 dan 2020. Justeru itu, padanan terjemahan wayang gambar dengan **السينيما** merupakan padanan yang tepat dalam bahasa sasaran.

Sampel 9

Jadual 9: Sampel MRL 09 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 09	Bila dia sampai saja dengan basikal 'raleigh'nya...tak ada sorang pun di situ....	فَعِنْدَمَا وَصَلَ إِلَى تِلْكَ الْمَنْطِقَةِ أَحَدًا هُنَاكَ بِدَرَاغَتِهِ لَمْ يَجِدْ.	112

Sampel MRL 09 di atas memaparkan contoh kedua bagi pengangkutan antik yang wujud sekitar tahun 1960 iaitu basikal *Raleigh*. Basikal *Raleigh* merupakan diantara jenama basikal keluaran England. Pada masa kini, jualanannya boleh mencecah ribuan ringgit disebabkan oleh keluarannya terhad yang hanya wujud pada sekitar tahun tersebut. Kini, basikal klasik atau

basikal tua yang berusia puluhan tahun tersebut dijadikan bahan koleksi masyarakat dalam mengimbau nostalgia pada era 60-an. Keunikannya yang memiliki kelajuan 3 *speed*, lampu depan dan bermeter seolah-olah kelihatan seperti motor, ukiran jenama yang terpahat di tempat lampu, padel basikal dan rantai merupakan antara ciri-ciri yang direka khusus bagi basikal *Raleigh* untuk membezakannya dengan basikal lain.

Identiti budaya material yang dipaparkan menerusi sampel MRL 09 iaitu basikal *Raleigh* diterjemahkan kepada *دراجة* dalam bahasa sasaran. Perkataan *دراجة* bermaksud kereta kebal dan basikal (KK, 2015). Manakala KBD (2015) turut memberi makna yang sama iaitu basikal, kereta kebal dan kerusi roda untuk kanak-kanak berjalan. Berdasarkan analisis terjemahan identiti budaya MRL 9 tersebut, didapati bahawa hanya perkataan basikal diterjemahkan sebagai *دراجة*. Manakala perkataan *Raleigh* pula digugurkan dalam bahasa sasaran. Oleh yang demikian, strategi terjemahan **pengguguran** telah diaplikasikan oleh penterjemah komik dalam menterjemahkan identiti budaya MRL 09 dengan menggugurkan perkataan budaya *Raleigh* dan menjadikan maknanya secara umum iaitu basikal.

Namun sebaliknya, kajian mendapati bahawa strategi tersebut tidak sesuai diaplikasikan kerana perkataan *Raleigh* perlu dikekalkan. Hal yang demikian kerana perkataan *Raleigh* membawa makna khusus dalam budaya masyarakat Melayu. Pengguguran perkataan *Raleigh* yang melambangkan basikal klasik Melayu boleh menyebabkan unsur budaya Melayu dihilangkan dalam teks sasaran. Tambahan pula, terjemahan makna umum iaitu *دراجة* sahaja boleh mendorong pembaca sasaran menginterpretasikannya dengan pelbagai jenis basikal seperti basikal *fixie*, *mountain bike*, *road bike*, *cruiser bike* dan sebagainya. Justeru itu, kesilapan menggugurkan tanpa alasan munasabah boleh mengganggu pemahaman pembaca sasaran (Mazlan et al. 2020).

Sampel 10

Jadual 10: Sampel MRL 10 Identiti Budaya Material

Kod	Bahasa Sumber	Bahasa Sasaran	m/s
MRL 10	Bila bersih sikit muncullah sebi batu sempadan	وعندما أصبح المكان خاليا نوعا ما من الأعشاب، ظهر الحجر الذي يحد حدود المزرعة	123

Batu sempadan yang dipaparkan oleh sampel MRL 10 merupakan batu untuk menandakan sempadan (KD, 2019). Lat dan ayahnya menjadikan batu sempadan sebagai penanda aras bagi menentukan keluasan tanah kebun miliknya supaya tidak melepasi sempadan kebun orang lain. Manakala kerja-kerja perletakkan batu sempadan ditentukan oleh juru ukur berlesen berpandukan pelan tanah di sesebuah tempat. Penyukatan tanah berpandukan pelan tanah yang memainkan peranan utama bagi memastikan ketepatan koordinat batu sempadan.

Berdasarkan paparan sampel MRL 10, batu sempadan diterjemahkan sebagai *الحجر الذي يحد حدود المزرعة* ke dalam bahasa Arab. Jumlah ayat *الحجر الذي يحد حدود المزرعة* boleh diertikan sebagai ‘batu yang menentukan sempadan kebun’. Analisis terjemahan tersebut menunjukkan bahawa strategi terjemahan **padanan deskriptif** telah diaplikasikan dengan membuat terjemahan penghuraian makna perkataan sumber ke dalam teks sasaran. Pengaplikasian

strategi tersebut diaplikasikan apabila tidak menemui padanan kata sumber sama ada tidak tahu, tidak ada ataupun belum ada dalam bahasa sasaran (Mursyid, 2017).

Kesimpulan

Proses penterjemahan teks khususnya teks yang sarat dengan unsur budaya memerlukan pengetahuan yang luas tentang budaya sumber dan budaya sasaran. Ketidakpadanan budaya yang terhampir antara budaya sumber dengan budaya sasaran menjadi kekangan kepada penterjemah ketika proses penterjemahan. Walaupun demikian, strategi terjemahan yang diperkenalkan oleh sarjana bahasa menjadi sarana alternatif dalam memindahkan unsur budaya daripada teks sumber kepada teks sasaran. Hasil perbincangan menunjukkan bahawa keenam-enam teori yang diutarakan oleh Newmark sesuai diaplikasikan sebagai solusi bagi menterjemahkan identiti budaya material dalam penterjemahan teks komik *Budak Kampung* ke dalam bahasa Arab. Strategi terjemahan literal digunakan apabila keseluruhan makna terjemahan terdapat dalam kamus. Sungguhpun demikian, pengaplikasian strategi terjemahan yang lain sesuai diaplikasikan sekiranya melibatkan budaya khusus bahasa sumber seperti strategi terjemahan padanan deskriptif, padanan budaya, naturalisasi, pengguguran dan kuplet. Didapati juga bahawa strategi terjemahan padanan deskriptif paling kerap digunakan sebanyak tiga kali berbanding strategi terjemahan lain. Hal yang demikian kerana penghuraian makna terhadap bahasa sumber diperlukan bagi menjelaskan perkataan sumber ke dalam bahasa sasaran supaya tidak menimbulkan persoalan dalam minda pembaca sasaran. Hakikatnya, strategi terjemahan ini secara tidak langsung akan menghilangkan penerapan identiti budaya sumber ke dalam teks sasaran. Namun, tidak dinafikan bahawa jurang perbezaan antara kedua-dua rumpun bahasa sumber dengan bahasa sasaran merupakan kekangan dan kesukaran dalam mendapatkan padanan budaya. Walaubagaimanapun, sesebuah teks terjemahan yang baik adalah teks yang dapat menyampaikan pesanan penulis sumber serta tidak menimbulkan kekeliruan dalam minda pembaca sasaran. Justeru itu, pengaplikasian strategi terjemahan padanan deskriptif dalam kajian ini merupakan salah satu penyelesaian bagi mengatasi masalah ketiadaan padanan yang terhampir dalam bahasa sasaran.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana Geran *Universiti Penyelidikan* kod projek: GUP-2022-034 dan GUP-2015-016. Jutaan terima kasih kepada UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Fattah Abu Ghuddah. 1912. *Al-Tarqim wa Alamatuhu fi al-Lughah al-Arabiah*. Dar al-Bayair al-Islamiyyah: Beirut.
- Aminoh Jahwae. 2019. Penterjemahan Istilah Budaya dalam Novel Arus ke dalam Bahasa Thai. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(2): 19-35.

- Arnida A Bakar & Lubna Abd Rahman. 2021. Penterjemahan Makna Unsur Budaya dalam Novel Arab “Saa’ah Baghdad: Riwayah” ke dalam Bahasa Inggeris Melalui Aplikasi e-Translasi Google. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(3): 69-79.
- Arnida A. Bakar. Sulhah Ramli & Akmal Khuzairy Abd. Rahman. 2019. Penterjemahan Unsur Budaya Kebendaan dalam al-Quran ke dalam Bahasa Melayu: Analisis Komponen Makna. *E-Journal of the 6th Arabic Studies & Islamic Civilization 2019*, 6(1): 12-22.
- Astro Awani. 2019. Pawagam Akhirnya dibuka di Jeddah. Dirujuk pada 26.12.2022. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/pawagam-akhirnya-dibuka-di-jeddah-197345?amp=1>
- Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid. 2016. Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2): 160-175.
- Dewi Puspitasari, Eka Marthanty Indah Lestari, Nadya Inda Syartanti. 2014. Kesepadanan pada Penterjemahan Kata Bermuatan Budaya Jepang ke dalam Bahasa Indonesia. *Jurnal Izumi*, 3(2): 1-14.
- Ekarista Doanti Girsang. 2017. Terjemahan Istilah Budaya dalam Buku Cerita Anak Bilingual the 7 Habits of Happy Kids. Tesis Master. Fakultas Ilmu Budaya. Universitas Sumatera Utara Medan.
- Kamus al-Khalil Arab-Melayu/Melayu-Arab. 2015. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding Sdn. Bhd.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2019. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahdayeni, Muhammad Roihan Alhaddad, Ahmad Syukri Saleh. 2019. Manusia dan Kebudayaan (Manusia dan Sejarah Kebudayaan, Manusia dalam Keanekaragaman Budaya dan Peradaban, Manusia dan Sumber Penghidupan). *TADBIR: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 7(2): 154-165.
- Mazlan Ahmad, Wan Rose Eliza Abdul Rahman, Anis Shahirah Abdul Sukur. 2020. Analisis Terjemahan Perkataan Budaya Berkaitan Makanan dan Minuman dalam Buku Bergambar Bijak Si Katak Bijak ke Bahasa Jepun. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3): 17-31.
- Mohd Erman Maharam, Mastura Muhammad, Harith Baharudin. 2020. Sinema Nasional Malaysia: Pasang Surut Budaya dalam Tiga Era. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3): 228-246.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid, Mohd Khairul Adenan, Kharull Haffis Ngairan. 2017. Keselarian Makna dalam Terjemahan Sajak Baha Zain. *Journal of Business and Social Development*, 5(2): 14-20.
- Mursyid Kasmir Naserly. 2017. Terjemahan Aspek Budaya dalam Subtitle Film Date Night. *Jurnal Wanastra*, IX(2): 173-181.
- Newmark. Peter. 1998. A Text Book of Translation. London: Prentice Hall.
- Noor Eliza Abdul Rahman. Raja Hazirah Raja Sulaiman & Najihah Abdul Wahid. 2015. Penterjemahan Unsur Budaya dalam Sarikata Drama Flag of Truth International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st century. 662-678
- Nur Munirah Mohammad Aziz & Rohaidah Kamaruddin. 2018. Kelainan Terjemahan dalam Terjemahan Teks Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*, 3: 73-81.

- Nurul Syazwani Mohd Dahalan & Wan Hasmah Wan Teh. 2020. The Clash of Rural and Urban Values in the Comic Books *Budak Kampung* and *Mat Som*. *Journal of Malay Literature*, 33(2): 212-242.
- Rina Devianty. 2017. Bahasa Sebagai Cerminan Kebudayaan. *Jurnal Tarbiyah*, 24(2): 226-245.
- Tylor, Edward Burnett. 1920. *Primitive Culture*. London.
- Wiriya Inphen. 2020. A Dominant Global Translation Strategy in Thai Translated Novels: The Translations of Religious Markers in Dan Brown's Thriller Novels. *MANUSYA Journal of Humanities*, 23: 286-304.
- Yovita Angelina, Agus Riadi, Michelle Metta Zenlipyng Thennoza. 2020. An Analysis of Translation Strategies Toward Cultural Terms in "And Then There Were None" Novel. *English Language Studies and Applied Linguistics Journal*, 1(1): 29-38.
- Yuslina Mohamed, Bhasah Abu Bakar, Fariza Puteh Behak, Ramiaida Darmi. 2018. *Asas Metodologi Penyelidikan Praktikal*. Negeri sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.